

30/10/1999

Latar belakang

Institut Kajian Dasar

INSTITUT Kajian Dasar (IKD) dikatakan menjadi kumpulan pemikir Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam kerajaan dan digerakkan beberapa bekas pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Ini termasuk bekas Presiden Abim, Prof Madya Dr Siddiq Fadzil selaku Pengerusi Panel Perunding IKD dan Pengerusi IKD pula ialah Datuk Kamaruddin Jaafar yang juga bekas Setiausaha Agung Abim.

Kamaruddin dan Dr Siddiq adalah rakan rapat serta penasihat Anwar ketika dalam kerajaan.

Kamaruddin kini menyertai Pas selepas dipecat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 5 Julai lalu berikutan pembabitannya dalam gerakan reformasi.

Malah, IKD juga dikatakan mendalangi gerakan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menyokong perjuangan reformasi yang didukung Anwar.

Dr Siddiq pula pernah dinamakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai salah seorang pensyarah IPT yang menghasut pelajar membenci kerajaan. Dr Siddiq adalah pensyarah Jabatan Persuratan Melayu di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.

Bagaimanapun, dakwaan itu dinafikan Kamaruddin dengan menyatakan IKD hanya sebuah badan pemikir bebas yang turut melatih melahirkan barisan pemimpin pelapis pelajar serta aktif menganjurkan persidangan serta program wacana ilmu.

Antara kegiatan IKD ialah menganjurkan sidang dan seminar di dalam serta luar negara yang banyak bertemakan belia dan agama. IKD menjalin hubungan kerjasama dengan Pusat Dasar Asia Pasifik Washington.

Pada Jun 1997, IKD pernah menandatangani memorandum kerjasama dengan Heritage Foundation Washington di Kuala Lumpur yang turut disaksikan oleh Anwar yang memegang jawatan Perdana Menteri ketika itu.

Pada majlis itu Kamaruddin antara lain berkata, IKD menjalin hubungan dengan yayasan terbabit sejak 1995 sejajar dengan objektifnya untuk mewujudkan hubungan dengan badan penyelidikan dan perunding dasar awam di Amerika Syarikat.

Heritage Foundation yang beribu pejabat di Washington, Amerika Syarikat adalah sebuah pertubuhan penyelidikan dasar yang utama di Amerika dan bekerjasama dengan anggota Kongres, Rumah Putih, Jabatan Negara dan Pertahanan serta badan eksekutif kerajaan lain.